

16 JAN 1996

Mahathir - Rahim

RAHIM BERHAK KEMBALI SEBAGAI KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno pada mesyuaratnya malam tadi memutuskan bahawa Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berhak memegang semula jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan dibuat secara sebulat suara selepas merujuk semula Minit Mesyuarat MT pada 8 Sept 1994 berhubung perletakan jawatan oleh Rahim pada masa itu.

"Dalam keputusan itu, Perkara 2224 kita telah sebut bahawa kita bersetuju membenarkan Ketua Pemuda Umno berundur dan bercuti buat sementara waktu sehingga keputusan penyiataan mengenainya selesai.

"Oleh kerana dia didapati tidak bersalah, maka dia berhak untuk diterima kembali sebagai Ketua Pemuda. Jadi keputusannya ialah dia berhak," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, selepas mempengerusikan mesyuarat itu di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Pada 8 Jan lalu, mesyuarat Exco Pergerakan Pemuda Umno membuat keputusan menyerahkan kepada MT untuk membuat keputusan berhubung kedudukan Rahim sebagai ketua pergerakan itu.

Isu sama ada wajar atau tidak Rahim kembali semula mengetuai pergerakan itu timbul berikutan tawaran Datuk Nazri Abdul Aziz kepada Rahim supaya kembali memegang jawatan berkenaan kerana beliau (Rahim) sudahpun membersihkan namanya daripada pelbagai dakwaan melalui proses undang-undang.

Antara dakwaan yang dihadapi Rahim pada masa itu ialah mengadakan hubungan sulit dengan seorang budak perempuan bawah umur, dua tuduhan rasuah dan gagal mengisytiharkan harta kepada pihak berkuasa.

Bagaimanapun, siasatan pihak berkuasa terhadap dakwaan hubungan sulit itu menunjukkan Rahim tidak terlibat manakala dua tuduhan rasuah terhadapnya juga sudah ditarik balik oleh Peguam Negara hujung November lalu.

Perbincangan berhubung kes pengisytiharan harta pula bermula di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur hari ini.

Dr Mahathir berkata, MT terpaksa merujuk kembali minit mesyuarat lamanya bagi melihat kedudukan sebenar perletakan jawatan Rahim pada masa itu.

Katanya, pada mesyuarat 8 Sept 1994 itu, Nazri, yang juga Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, telah memaklumkan kepada MT bahawa "seluruh anggota exco pergerakan itu bersetuju meminta Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia mengundur diri buat sementara waktu demi menjaga imej pergerakan pemuda Umno, parti dan kerajaan".

"Itu keputusan yang disampaikan kepada MT (pada masa itu) dan MT membuat keputusan seperti yang telah saya jelaskan (iaitu Rahim berhak kembali).

"Dia hanya perlu kata sanggup atau tidak. Terpulang kepada dia bila mahu mula (memegang semula jawatan itu)," katanya selepas mesyuarat lebih tiga setengah jam itu.

Katanya, anggota Pergerakan Pemuda Umno mesti akur kepada keputusan itu kerana mereka yang merujuknya kepada MT.

"Dia rujuk kepada kita, kita buat keputusan. Kalau dia rujuk kepada kita, kita buat keputusan tetapi dia tak mahu terima tak bermaknalah dia merujuk," katanya sambil menambah kata bahawa MT yakin anggota Pergerakan Pemuda tidak akan membantah keputusan itu.

Dr Mahathir berkata, keputusan MT itu juga dibuat selepas merujuk

Perlembagaan Umno yang tidak menunjukkan sebarang halangan bagi Rahim untuk kembali.

Selain itu, beliau berkata, keputusan MT juga sebagai menghormati keputusan yang dibuat oleh mahkamah yang mendapati Rahim tidak bersalah terhadap tuduhan-tuduhan terdahulu.

"Dan kita perlu hormati keputusan yang dibuat oleh mahkamah seperti mana juga kita menghormati keputusan yang dibuat oleh mahkamah dalam kes-kes yang lain. Jadi kita tak boleh jatuhkan hukuman kita sendiri pula," katanya ketika ditanya sama ada keputusan itu bercanggah dengan apa yang beliau pernah katakan iaitu "seseorang itu bukan sahaja mesti bersih (daripada kesalahan) tetapi juga dilihat bersih".

Katanya, kesan tuduhan yang dilemparkan terhadap Rahim terlalu subjektif kerana masih ada orang yang sudah diketahui umum berkhawat tetapi rakyat masih menerima orang itu dengan majoriti yang bertambah.

Kenyataan Dr Mahathir itu dipercayai merujuk kepada kes Naib Ketua Pemuda PAS, Mohamed Sabu, yang dituduh berkhawat tetapi masih tetap menang kerusi Parlimen Kubang Kerian pada pilihan raya umum lepas dengan majoriti lebih besar.

Sementara itu, Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib berkata anggota UMNO perlu mematuhi sebarang keputusan yang dicapai oleh MT parti dalam sebarang perkara yang dibincangkan.

"Kita kena ikut peraturan dan perlembagaan," katanya sebagai mengulas keputusan MT menerima semula Abdul Rahim sebagai Ketua Pemuda.

Katanya, keputusan mahkamah adalah muktamad dan dia (Rahim) berhak memegang semula jawatan itu kerana dua tuduhan rasuah dan hubungannya dengan budak perempuan bawah umur telah digugurkan.

Ketua Pemuda UMNO Melaka, Datuk Asari Ibrahim, yang dihubungi di Lampung, Sumatera, Indonesia, berkata Pergerakan Pemuda UMNO Melaka akur terhadap keputusan MT itu.

"Pergerakan Pemuda UMNO Melaka sudah membuat keputusan untuk akur terhadap sebarang keputusan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi berhubung isu itu," katanya. -- Bernama.